# MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

## IKLAN JAWATAN KOSONG

Majlis Peperiksaan Malaysia ialah sebuah badan berkanun bawah Kementerian Pendidikan Malaysia ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti yang berikut:

| Bil. | Jawatan | Butiran | Gaji dan Elaun | Syarat Lantikan |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Juruteknik Komputer Gred F1 (Kontrak) | Kekosongan: 1 orang.<br><br>Klasifikasi Perkhidmatan: Sistem Maklumat.<br><br>Kumpulan Perkhidmatan: Pelaksana. | <u>Gaji (Min – Maks)</u>: RM1,500.00 – RM4,680.00<br><br><u>Elaun</u>:<br>ITKA : RM115.00<br>ITP : RM300.00<br>BISH : RM350.00 | (i) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan; (RM1,500.00); atau<br><br>(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; (RM1,561.00); atau<br><br>(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; (RM1,622.00); dan<br><br>(iv) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ Sijil Vokasional Malaysia (SVM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan<br><br>(v) Calon hendaklah memiliki kelulusan dalam bidang teknologi sistem komputer dan rangkaian atau sistem pengurusan pengkalan data dan aplikasi sesawang atau juruteknik sistem komputer atau operasi sistem komputer atau perkhidmatan rangkaian komputer. |

| Bil. | Jawatan | Butiran | Gaji dan Elaun | Syarat Lantikan |
|---|---|---|---|---|
| 2. | Personel MySTEP Gred 9 | Kekosongan:<br>2 orang.<br><br>Umur:<br>tidak melebihi 40 tahun pada tarikh tutup iklan.<br><br>Gelaran Tugas:<br>Pegawai Peperiksaan.<br><br>Fungsi tugas:<br>bertanggungjawab sebagai Pegawai Peperiksaan dalam subjek Bahasa Inggeris dan Sains.<br><br>Waktu bekerja:<br>9 jam sehari termasuk waktu rehat.<br><br>Kemudahan:<br>cuti rehat, cuti sakit, caruman KWSP, dan PERKESO. | RM2,100.00 (Sebulan)<br><br>(termasuk KWSP dan PERKESO) | (i) Ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dalam bidang **bahasa Inggeris** atau **Sains Tulen**; dan<br><br>(ii) Kepujian bahasa Malaysia/ bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. |
| 3. | Personel MySTEP Gred 1 | Kekosongan:<br>2 orang.<br><br>Umur:<br>Tidak melebihi 30 tahun pada tarikh tutup iklan.<br><br>Gelaran Tugas:<br>Pembantu Tadbir.<br><br>Fungsi tugas:<br>Membantu tugas perkeranian dan operasi.<br><br>Waktu bekerja :<br>9 jam sehari termasuk waktu rehat.<br><br>Kemudahan :<br>Cuti Rehat, Cuti Sakit, Caruman KWSP, dan PERKESO. | RM1700.00 sebulan<br><br>(termasuk KWSP dan PERKESO) | (i) Minimum SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan<br><br>(ii) Kepujian Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan<br><br>(iii) Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan menaip menggunakan komputer. |

** ITKA: Imbuhan Tetap Khidmat Awam ITP: Imbuhan Tetap Perumahan BISH: Bantuan Imbuhan Sara Hidup*

1. **Tarikh tutup permohonan: 19 Januari 2025**.

2. **Cara memohon:**

   Pemohon hendaklah mengisi borang permohonan secara dalam talian menerusi pautan http://apps.mpm.edu.my/erecruitment/

3. **Catatan:**

   (a) Hanya calon yang terpilih akan dihubungi untuk temuduga.

   (b) Permohonan yang lewat atau tidak mengikut peraturan akan ditolak.

   (c) Tempat bertugas di Bangunan Majlis Peperiksaan Malaysia, Persiaran 1, Bandar Baru Selayang, Selangor.

   (d) Permohonan dianggap tidak berjaya sekiranya calon tidak dihubungi dalam tempoh **30 hari** dari tarikh iklan ditutup.